

MDEC Lantik Romainor Ismail Sebagai Pengarah Perolehan

- *Romainor mempunyai pengalaman selama 23 tahun dalam perolehan, penyumberan, pengurusan kontrak dan pengurusan vendor di MNC seperti Maybank dan Celcom sebelum menyertai MDEC.*

CYBERJAYA, 17 OGOS 2021: Malaysia Digital Economy Malaysia (MDEC), agensi utama yang menerajui agenda transformasi digital negara, hari ini mengumumkan pelantikan Romainor Ismail sebagai Pengarah Perolehan.

Romaino memulakan kerjayanya sebagai Pengatur Cara di DIGIERA pada 1999 dan kemudiannya berkhidmat dengan Maybank sebagai Ketua Pengurusan Vendor pada 2012 dan seterusnya menjadi Ketua Pengurusan Penyumberan & Kategori (Projek) di Celcom Axiata pada awal tahun ini.

Beliau akan bertanggungjawab dalam mengetuai, mengarah dan mengkoordinasi semua aspek aktiviti perolehan MDEC bagi memastikan pemerolehan barangan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan kos yang berkesan dan berkualiti tinggi. Romainor juga ditugaskan untuk menguruskan kontrak, penilaian pilihan bekalan dan memastikan ketepatan rekod.

Beliau akan bekerjasama dengan pemegang taruh dalaman untuk memahami keperluan perniagaan, pembangunan strategi perolehan dan melaksanakan inisiatif untuk memberi pulangan yang terbaik kepada pemegang taruh.

“Pelantikan Romainor adalah bukti komitmen berterusan kami dalam menarik bakat terbaik dalam industri dan memperoleh pemimpin terbaik dalam pasukan kami. Pengalaman dan kemahiran beliau dalam membangun, melaksana dan mengurus perancangan perolehan tahunan amat bersesuaian dengan usaha MDEC untuk menuju ke arah Malaysia 5.0, yang membolehkan negara terintegrasi dengan teknologi, menyediakan peluang digital yang adil kepada rakyat dan perniagaan,” kata Datuk Wira Dr Hj. Rais Hussin Mohamed Ariff, Pengerusi MDEC.

“Romainor akan memperkenalkan dan melaksana perancangan jangka pendek dan panjang, objektif dan keberkesanan operasi perolehan. Ini akan memastikan MDEC mampu memberi impak yang berkesan dan lebih mapan,” kata Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC.

”Merupakan satu pernghormatan kepada saya untuk berkhidmat dengan organisasi yang terkenal ini. Menjadi sebahagian daripada pasukan MDEC akan memberi peluang kepada saya untuk berkhidmat dan memberi semula kepada negara serta rakyat,” kata Romainor.

Romainor memegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan Ijazah Teknologi Maklumat dari Universiti Teknologi MARA. Beliau akan melapor kepada Ketua Pegawai Transformasi, Mohd Afdal Bin Mohd Nayan.

#TAMAT#

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menerajui transformasi digital negara sejak 25 tahun lalu. MDEC membawa agenda Malaysia 5.0, membolehkan negara diintegrasikan dengan teknologi secara mendalam, seterusnya menyediakan peluang-peluang digital yang adil dan saksama kepada rakyat dan perniagaan.

Bagi mencapai matlamat ini, MDEC memberi tumpuan kepada empat teras DIGITAL utama iaitu Kemahiran Baharu (New skills), Penerimaan (Adoption), Pengganggu (Disruptors) dan Pelaburan (Investments). Ini membentuk asas kepada kempen jenama digital NADI MDEC yang memacu program-program terasnya untuk rakyat, perniagaan dan para pelabur. MDEC mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang

KENYATAAN MEDIA



berdaya saing tinggi dari segi digital di peringkat global, berpandukan inklusif, kelestarian, dan kemakmuran bersama dan menetapkan asas yang kukuh untuk Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

#Malaysia5.0 #NadiDigital #SayaDigital #MHODA #MyMDEC

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut melalui inisiatif-inisiatif Ekonomi Digital MDEC, layari www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>
Twitter: @mymdec

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Dashika Gnaneswaran _dashika.gnaneswaran@mdec.com.my
Simon Yap _simon.yap@mdec.com.my